

APLIKASI TIPOLOGI, MODEL DAN TEORI DALAM ANALISIS PENGLIBATAN KOMUNITI DAN EKOPELANCONGAN BERASASKAN KOMUNITI (CBE) DI KOTA BELUD, SABAH, MALAYSIA

THE APPLICATION OF TYPOLOGY, MODEL, AND THEORY IN THE ANALYSIS OF COMMUNITY PARTICIPATION AND COMMUNITY- BASED ECOTOURISM (CBE) IN KOTA BELUD, SABAH, MALAYSIA.

**Syafiqah Syuhada Samsul¹
Rosazman Hussin (PhD)^{2*}**

¹ Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia (E-mail: syafiqahsyuhadasamsul@gmail.com)

² Borneo Institute for Indigenous Studies (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia (E-mail: azzs@ums.edu.my)

*Corresponding author: Rosazman Hussin. Email: azzs@ums.edu.my

Article history

Received date : 29-10-2025

Revised date : 30-10-2025

Accepted date : 29-12-2025

Published date : 5-1-2026

To cite this document:

Samsul, S. S., & Hussin, R. (2025). Aplikasi tipologi, model dan teori dalam analisis penglibatan komuniti dan ekopelancongan berasaskan komuniti (CBE) di Kota Belud, Sabah, Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 933 – 945.

Abstrak: *Ekopelancongan Berasaskan Komuniti (Community-Based Ecotourism - CBE) telah menjadi pendekatan penting dalam usaha mencapai kelestarian alam sekitar dan pembangunan sosioekonomi komuniti luar bandar di Malaysia dan khususnya di Sabah. Kajian ini bertujuan untuk meneliti bentuk penglibatan komuniti dalam pembangunan ekopelancongan di Kampung Sayap, Kota Belud, Sabah. Tiga pendekatan utama diaplikasikan sebagai kerangka analisis: Tipologi Penyertaan Komuniti oleh Pretty (1995), Model Kitaran Hayat Kawasan Pelancongan (TALC) oleh Butler (1980) dan Teori Modal Sosial. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah kutipan data melalui kaedah temu bual mendalam bersama sebelas (11) informan utama dan dianalisis berdasarkan tematik. Pemerhatian dan sumber data sekunder turut digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ahli komuniti Kampung Sayap telah mengalami peralihan daripada penglibatan pasif kepada penglibatan yang lebih aktif dan berdaya sendiri. Tipologi Pretty membantu mengenal pasti tahap penglibatan ahli komuniti yang pelbagai. Model TALC oleh Butler pula menunjukkan kawasan atau destinasi ekopelancongan di Kampung Sayap berada pada fasa pembangunan dan pengukuhan. Manakala aplikasi Teori Modal Sosial menunjukkan bahawa pemangkin kepada kejayaan penglibatan komuniti adalah kerana tindakan kolektif mereka dalam usaha mencapai ekopelancongan mampan melalui CBE.*

Kata Kunci: *Ekopelancongan Berasaskan Komuniti (CBE), Tipologi Penglibatan Komuniti, Model Pusingan Kawasan Pelancongan dan Teori Modal Sosial*

Abstract: *Community-Based Ecotourism (CBE) has become an important approach in efforts to achieve environmental sustainability and the socioeconomic development of rural communities in Malaysia, and particularly in Sabah. This study aims to examine the form of community involvement in ecotourism development in Kampung Sayap, Kota Belud, Sabah. Three main approaches were applied as the analytical framework: Pretty's (1995) Typology of Community Participation, Butler's (1980) Tourist Area Life Cycle (TALC) Model, and Social Capital Theory. This study used a qualitative approach. Data collection methods involved in-depth interviews with eleven (11) key informants and were analyzed based on themes. Observations and secondary data sources were also utilized in this study. The findings indicate that the community members of Kampung Sayap have transitioned from passive involvement to more active and self-reliant participation. Pretty's typology helped identify the diverse levels of community involvement. Butler's TALC Model shows that the ecotourism area or destination in Kampung Sayap is in the development and consolidation phase. Furthermore, the application of Social Capital Theory suggests that the catalyst for the success of community involvement is its collective action in striving to achieve sustainable ecotourism through CBE.*

Keywords: *Community-Based Ecotourism (CBE), Typology of Community Participation, Tourist Area Life Cycle Model, and Social Capital Theory.*

Pengenalan

Ekopelancongan Berasaskan Komuniti (Community-based Ecotourism-CBE) adalah bertujuan untuk melindungi sumber alam semula jadi melalui penglibatan langsung ahli komuniti dalam usaha pelancongan yang mampan. Ia bukan sahaja menyediakan pendapatan alternatif kepada komuniti luar bandar, tetapi turut menggalakkan pemuliharaan alam sekitar dan keadilan sosial. Seperti yang dihuraikan oleh Hafezi et al. (2024), CBE berupaya mengurangkan kemiskinan dan mendorong komuniti melindungi sumber tempatan melalui pengurusan lestari. Pendekatan ini menekankan tiga tonggak utama iaitu produktiviti ekonomi, kelestarian alam sekitar dan kesaksamaan sosial (Yazdanpanah et al., 2022; Zobeidi et al., 2022; Hafezi et al., 2023). Kajian-kajian CBE terkini turut menekankan peranan teknologi, pelibatan digital, dan jaringan sosial dalam memacu kejayaan pelaksanaan CBE dalam kalangan ahli komuniti terpinggir (Omar et al., 2023; Wang & Zhang, 2024).

Pengalaman diperingkat antarabangsa dalam pelaksanaan CBE, seperti di Sub-Sahara Afrika dan Ethiopia, menunjukkan bahawa penglibatan aktif komuniti yang tinggal berdekatan kawasan konservasi dapat meningkatkan pendapatan dan memperkukuh pemuliharaan warisan semula jadi (Moswete & Thapa, 2015; Merseret Chane & Yirga, 2014). Namun, kejayaan CBE amat bergantung kepada sejauh mana keperluan, aspirasi dan suara komuniti tempatan diintegrasikan dalam perancangan pelancongan. Justeru, pendekatan “bottom-up” atau dari bawah ke atas dilihat lebih berkesan untuk menjamin rasa memiliki dan sokongan jangka panjang daripada ahli komuniti. Dalam konteks Malaysia, pelaksanaan CBE semakin berkembang dan menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negara. Seperti yang dinyatakan oleh Er Ah Choy dan Nurul Bariah Mat Lazim (2013), dan disokong oleh kajian semasa oleh Mohd Jirey et al. (2023), ekopelancongan yang dirancang secara bertanggungjawab bukan sahaja memberi manfaat ekonomi tetapi turut memastikan kesinambungan ekosistem dan kelestarian warisan budaya.

Pembangunan ekopelancongan secara mampan di Malaysia, khususnya di kawasan luar bandar seperti dalam kes kajian ini di Kampung Sayap, Kota Belud, Sabah memerlukan pemahaman

teori dan pendekatan komuniti yang menyeluruh. Dalam kajian ini, pendekatan teoritikal seperti Tipologi Penyertaan Komuniti oleh Pretty (1995), Model Kitaran Hayat Destinasi oleh Butler (1980) dan Teori Modal Sosial digunakan untuk menganalisis corak penglibatan ahli komuniti, struktur institusi serta dinamika sosial dalam pelaksanaan CBE. Kesemua perspektif teori ini berperanan dalam menjelaskan bagaimana ekopelancongan boleh menjadi alat pemerkasaan komuniti sekiranya dikendalikan dengan strategi yang inklusif, lestari dan bersandarkan kepada kekuatan dalaman komuniti itu sendiri (Rahman et al., 2024; Lee & Abdullah, 2023). Oleh itu, pengamatan yang berasaskan data lapangan dan kerangka teori ini amat penting untuk menilai sejauh mana CBE dapat menyumbang kepada transformasi sosial dan ekonomi di kawasan desa atau di luar bandar.

Permasalahan Kajian

Ekopelancongan Berasaskan Komuniti (CBE) berpotensi memajukan ekonomi luar bandar secara lestari, namun pelaksanaannya sering berdepan cabaran dari segi tahap penglibatan ahli komuniti yang tidak seimbang. Hasil kajian lepas menunjukkan bahawa komuniti tempatan sering diposisikan sebagai pelaksana pasif akibat ketidakseimbangan kuasa, dasar yang bersifat dari atas ke bawah serta kebergantungan kepada agensi luar (Tosun, 2000; Mohamed Isa et al., 2018). Di Kampung Sayap, aktiviti CBE semakin berkembang, namun tahap penyertaan komuniti masih berbeza-beza, dengan sebahagian terlibat aktif manakala sebahagian yang lain kekal pasif. Cabaran seperti krang penglibatan golongan belia, kelemahan pengurusan dan kekangan infrastruktur asas seperti bekalan air berseih, jalan raya dan bekalan elektrik turut membataskan impak positif ekopelancongan terhadap kesejahteraan komuniti. Selain itu, kajian terdahulu juga kurang menyepadukan teori partisipasi, pembangunan destinasi dan modal sosial secara serentak, terutama dalam konteks Sabah. Justeru, kajian ini dijalankan adalah untuk menilai secara menyeluruh corak dan perubahan dalam penglibatan komuniti semasa pelaksanaan CBE di Kampung Sayap dengan menggunakan pendekatan triangulasi teori. Pendekatan ini digunakan untuk memahami hubungan antara penyertaan, fasa pembangunan dan kekuatan sosial komuniti.

Penglibatan komuniti dalam pelancongan berasaskan komuniti telah menjadi topik penting dalam pelbagai kajian terdahulu yang menekankan peranan modal sosial, kepercayaan institusi dan struktur kuasa. Kajian di Botswana (Moswete & Thapa, 2015) dan Indonesia (Sunkar et al., 2016; Nugroho et al., 2020) menunjukkan bahawa kepercayaan sosial, kekuatan jaringan komuniti, serta institusi tempatan menjadi pemacu kepada kejayaan pelaksanaan pelancongan luar bandar. Namun, cabaran ketidakseimbangan kuasa seperti yang diketengahkan oleh Tosun (2000) dan Mohamed Isa et al. (2018) memperlihatkan bagaimana komuniti tempatan sering tersisih daripada proses membuat keputusan, terutamanya apabila pelabur luar atau agensi kerajaan mendominasi naratif pembangunan. Dalam konteks pembangunan destinasi pula, Model Kitaran Hayat Pelancongan oleh Butler (1980) memberi gambaran dinamik terhadap fasa pertumbuhan destinasi pelancongan luar bandar seperti di Kinabatangan, di mana faktor seperti ketiadaan belia dan kekangan infrastruktur terus membentuk halatuju pembangunan lestari.

Pendekatan yang lebih inklusif dan partisipatif telah dicadangkan oleh penyelidik mutakhir seperti Ichsan et al. (2022), yang menekankan perlunya dialog bermakna, perkongsian kuasa, serta pelibatan institusi tempatan seperti koperasi dan MPKK dalam mengimbangi keperluan komuniti dengan agenda pelancongan. Penglibatan belia juga semakin dilihat sebagai faktor penting untuk menjamin kelangsungan pelancongan, khususnya dalam aspek inovasi digital dan promosi. Namun, literatur semasa masih banyak meneliti aspek penglibatan komuniti

secara terpisah—sama ada dari sudut kuasa, sosial atau ekonomi—tanpa mengintegrasikan pendekatan teori yang menyeluruh. Oleh itu, kajian ini cuba mengisi jurang tersebut melalui triangulasi teori Tipologi Penyertaan Komuniti (Pretty, 1995), Kitaran Hayat Pelancongan (Butler, 1980), dan Pendekatan Modal Sosial, bagi menawarkan pemahaman yang lebih kontekstual dan holistik terhadap penglibatan komuniti luar bandar dalam ekopelancongan di Sabah.

Sorotan Literatur

Tentang Tipologi, Model dan Teori Berkaitan Kajian Penglibatan Komuniti dalam Pelancongan atau Ekopelancongan

Bahagian ini mengupas secara kritikal perspektif teori yang digunakan dalam kajian-kajian terdahulu berkaitan pelancongan atau ekopelancongan berasaskan komuniti. Fokus diberikan kepada tiga kerangka utama iaitu, pertama, Tipologi Penyertaan Komuniti oleh Pretty (1995), kedua, Model Kitaran Hayat Kawasan Pelancongan oleh Butler (1980) dan ketiga, Teori Modal Sosial, Putnam. (1993). Ketiga-tiga perspektif (model, tipologi dan teori) ini menjadi asas penting dalam memahami dinamika penglibatan komuniti, tahap perkembangan destinasi ekopelancongan serta kekuatan jaringan sosial dalam membentuk ekopelancongan yang lestari.

Tipologi Penglibatan Komuniti Oleh Pretty (1995)

Penglibatan komuniti merupakan elemen penting dalam memastikan kejayaan projek pembangunan, khususnya dalam konteks pembangunan pelancongan atau ekopelancongan mampan. Pengkaji seperti Arnstein (1969), Pretty (1995) dan Tosun (1999) telah memperkenalkan tipologi untuk mengkategorikan tahap penglibatan hli komuniti yang menjadi panduan dalam memahami dinamik hubungan kuasa dan kesaksamaan dalam proses perancangan pembangunan. Tipologi ini bukan sahaja membantu mengenal pasti tahap penyertaan komuniti dalam proses pembangunan tetapi juga memberikan pandangan tentang sejauh mana komuniti diberi kuasa dalam membuat sesuatu keputusan. Walau bagaimanapun, terdapat kelemahan yang dikenal pasti dalam model ini, seperti kurangnya perhatian terhadap isu diskriminasi jantina, paternalisme dan rasisme. Pretty (1995) memperkenalkan tujuh tahap penglibatan ahli komuniti yang meliputi tahap manipulasi, penglibatan pasif, konsultasi, insentif, fungsi, interaktif dan sendiri. Setiap tahap ini mencerminkan pelbagai tahap kuasa dan kawalan yang dimiliki oleh ahli komuniti dalam pembangunan projek. Penjelasan detail setiap tahap penglibatan ini adalah seperti dalam Jadual 1 berikut.

Jadual 1: Tipologi Penglibatan Komuniti Oleh Pretty (1995)

Tipologi	Ringkasan Penerangan
Penglibatan Manipulasi	Komuniti sekadar pelengkap projek; tiada wakil rasmi; keputusan ditentukan sepenuhnya oleh pihak luar.
Penglibatan Pasif	Penduduk diarahkan menyertai projek; maklum balas tidak diambil kira; lebih menekankan kepentingan profesional.
Penglibatan Konsultasi	Komuniti diberi nasihat untuk terlibat, tetapi agensi luar masih mengawal sepenuhnya proses pembangunan.
Penglibatan Insentif	Komuniti menyumbang tenaga dengan harapan menerima ganjaran material atau kewangan daripada projek.
Penglibatan Fungsi	Komuniti terlibat dalam pelaksanaan, tetapi tidak dalam proses membuat keputusan yang ditentukan oleh agensi luar.


Penglibatan Interaktif Kerjasama antara komuniti dan agensi luar; komuniti mempunyai suara; penekanan kepada pendidikan dan institusi tempatan.

Penglibatan sendiri Komuniti memulakan dan mengurus inisiatif secara bebas; masih perlukan sokongan kerajaan/NGO untuk keberkesanan.

Sumber: Adaptasi daripada Arnstein (1969), Pretty (1995), Tosun (1999).

Model Kitaran Hayat Kawasan Pelancong (Tourism Area Life Cycle Model), Oleh Butler, 1980

Seterusnya adalah Butler (1980), mencadangkan Model Kitaran Hayat Kawasan Pelancongan (Tourism Area Life Cycle-TALC) menggariskan enam peringkat perkembangan destinasi pelancongan. Tahap awal bermula dari tahap penerokaan sehingga ke tahap kemerosotan dan kebangkitan semula (Lihat Rajah 1). Model ini membantu pengkaji mengkaji kesan aktiviti pelancongan atau ekopelancongan terhadap penglibatan ahli komuniti dan kawasan pelancongan. Teori ini relevan dalam memahami dinamik perubahan destinasi ekopelancongan seperti di Kota Belud, di mana penglibatan komuniti memainkan peranan penting dalam mengekalkan daya tarikan ekopelancongan dan memastikan manfaatnya dikongsi secara adil. Teori ini menggariskan tahap perkembangan sesuatu kawasan pelancongan perlu dianalisis dari perspektif pembangunan dan tarikan destinasi. Model ini memberi penekanan kepada gelagat masyarakat atau ahli komuniti tempatan serta sokongan mereka dalam pembangunan pelancongan atau ekopelancongan, menjadikannya model ini relevan secara universal untuk mengenal pasti tahap pembangunan pelancongan atau ekopelancongan serta kesan negatif atau positif yang mungkin ada impaknya terhadap sosiobudaya sesebuah komuniti atau ahli masyarakat setempat di destinasi pelancongan.



Rajah 1: Model Kitaran Hayat Kawasan Pelancongan oleh Butler (1980)

Sumber: Adaptasi daripada Butler (1980)

Lihat Rajah 1. Model TALC memberikan implikasi penting terhadap aktiviti ekopelancongan ke atas ahli komuniti. Model ini dapat membantu ahli komuniti memahami perubahan yang berlaku dalam destinasi pelancongan atau ekopelancongan serta merancang aktiviti yang lebih berkesan. Dalam fasa pembangunan (development), ahli komuniti boleh memanfaatkan keunikan sumber alam semulajadi untuk menarik kehadiran para pelancong ke destinasi ekopelancongan. Pada fasa matang (stagnation), ahli komuniti perlu memastikan sumber alam

semulajadi yang digunakan dalam aktiviti pelancongan adalah mampan atau berkekalan. Sekiranya berlaku kemerosotan (decline), tindakan perlu diambil untuk memperbaiki situasi dengan melakukan penyelidikan mengenai punca kemerosotan dan memperkenalkan aktiviti baru untuk menarik kembali pelancong. Justeru, model TALC adalah panduan berharga bagi ahli komuniti dan pihak berkepentingan dalam merancang dan mengurus aktiviti ekopelancongan agar dapat menarik lebih banyak kehadiran pelancong demi memastikan destinasi pelancongan tersebut berkekalan atau wujud beroperasi secara mampan.

Teori Modal Sosial oleh Putnam (1993)

Teori Modal Sosial telah diperkenalkan semula oleh Pierre Bourdieu melalui penulisannya bertajuk 'The Form of Capital' pada tahun (1986). Bourdieu mengatakan bahawa struktur dan fungsi social boleh di fahami melalui modal social dan bukan berdasarkan modal ekonomi semata-mata. Selepas itu Teori Modal Sosial telah diperbaharui oleh Coleman (1988) dan Putnam (1993). Bagi Coleman (1988), modal social wujud dalam struktur hubungan individu yang memainkan peranan penting dalam penyatuan individu ke arah yang lebih produktif dan memberi manfaat sosioekonomi kepada semua ahli komuniti yang terlibat. Manakala Putnam (1993) menegaskan bahawa terdapat tiga ciri utama dalam modal social iaitu kepercayaan social, nilai dan norma social serta rangkaian social. Kepercayaan social membina asas kestabilan dalam hubungan social, manakala nilai dan norma social menetapkan piawai tingkah laku ahli masyarakat atau komuniti yang boleh diterima. Rangkaian social pula mencipta struktur interaksi social yang saling menyokong untuk memudahkan penyelarasan dan kerjasama demi faedah bersama terutama untuk meningkatkan pencapaian sosioekonomi. Ciri-ciri inilah relevannya teori modal sosial Putnam (1993) boleh diaplikasikan sebagai kerangka teori kajian ini.

Oleh itu, modal sosial merujuk kepada konsep yang menggambarkan hubungan antara individu dalam komuniti dan bagaimana interaksi sosial dapat menghasilkan sumber sosioekonomi yang produktif. Menurut Szreter (2000), Adam et al. (2003) dan Ulriksen (2008), modal sosial adalah hasil daripada jalinan ikatan sosial yang membolehkan individu bekerjasama untuk mengatasi pelbagai masalah yang timbul dalam masyarakat. Teori ini menekankan bahawa tingkah laku individu dalam komuniti dipengaruhi oleh faktor-faktor sosial seperti norma, nilai, kepercayaan dan pengaruh dari orang lain. Salah satu contoh yang relevan dalam konteks ini adalah teori pengaruh sosial (social influence theory) yang dikemukakan oleh Muzafer Sherif (1963). Teori ini menjelaskan bagaimana individu saling mempengaruhi dalam situasi sosial tertentu, terutamanya dalam kumpulan. Dalam situasi ini, individu cenderung menyesuaikan diri dengan norma dan nilai kumpulan, di mana keputusan dan tingkah laku mereka dipengaruhi oleh persekitaran sosial di sekeliling mereka.

Pendekatan modal sosial juga memainkan peranan penting dalam memahami tingkah laku dan tindakan komuniti yang terlibat dalam aktiviti ekopelancongan. Dalam konteks ini, teori ini membantu menjelaskan bagaimana norma sosial, kepercayaan dan nilai mempengaruhi tindakan individu dalam komuniti serta sikap mereka terhadap aktiviti ekopelancongan (Steg, 2016). Misalnya, norma sosial dalam komuniti dapat mempengaruhi tingkah laku individu terhadap amalan ekopelancongan seperti penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan pengurusan sisa. Tambahan lagi, teori ini juga membantu memahami bagaimana komuniti dapat saling mempengaruhi melalui proses pengaruh sosial. Menurut Rogers (2003), teori difusi inovasi menjelaskan bagaimana inovasi dalam teknologi atau amalan ekopelancongan dapat tersebar dalam komuniti. Faktor-faktor sosial seperti pengaruh dari orang lain dan kepercayaan dalam kumpulan memainkan peranan penting dalam keberkesanan penyebaran inovasi tersebut.

Melalui artikel "Social Capital and the Environment" oleh Pretty dan Ward (2010), penulis membincangkan bagaimana modal sosial mempengaruhi hubungan antara manusia dan alam sekitar. Mereka menegaskan bahawa modal sosial adalah faktor penting dalam menghasilkan perubahan positif terhadap alam sekitar dan menggalakkan pembangunan mampan. Sebagai contoh, kajian di Tanzania menunjukkan bahawa terdapat hubungan kukuh antara modal sosial dan penyertaan masyarakat dalam menjaga sumber air yang mampan. Secara keseluruhannya, pendekatan modal sosial memberikan pandangan berharga mengenai bagaimana interaksi sosial membentuk tingkah laku individu dan komuniti. Ia menunjukkan bahawa melalui jaringan sosial yang kuat dan saling percaya, masyarakat dapat mencapai matlamat bersama serta meningkatkan keadaan kehidupan mereka secara keseluruhan.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes untuk meneroka secara mendalam penglibatan komuniti dalam ekopelancongan di Kampung Sayap, Kota Belud. Reka bentuk ini dipilih bagi membolehkan penyelidik memahami pengalaman, persepsi dan dinamika sosial komuniti dalam konteks pelaksanaan Ekopelancongan Berasaskan Komuniti (CBE). Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah temu bual separa berstruktur melibatkan sebelas (11) informan utama. Pemilihan informan dibuat secara persampelan bertujuan (purposive sampling) berdasarkan penglibatan aktif mereka dalam pembangunan ekopelancongan di kampung tersebut. Temu bual dijalankan secara bersemuka dan dirakam dengan kebenaran informan, kemudian ditranskripsikan sepenuhnya. Data dianalisis menggunakan pendekatan analisis tema, di mana tema-tema utama dikenalpasti berdasarkan kerangka teori Pretty (1995), Butler (1980) dan Modal Sosial. Selain temu bual, dokumen sekunder seperti laporan kegiatan homestay, minit mesyuarat dan bahan promosi pelancongan turut dianalisis bagi menyokong ketekalan data. Jadual 2 berikut adalah proses penyelidikan.

Jadual 2: Proses Penyelidikan dan Penerangan

Proses Penyelidikan	Penerangan
Penentuan reka bentuk kajian	• Kualitatif • Kajian kes di Kampung Sayap, Kota Belud
Pemilihan informan	• Persampelan Bertujuan • 11 informan utama
Pengumpulan data	• Temubual separa berstruktur • Dokumen sekunder
Transkripsi dan Penyediaan Data	• Disusun secara verbatim • Disusun mengikut tema
Analisis Data	• Analisis Tematik • Berpanduan Perspektif Teori
Penulisan Dapatan dan Perbincangan	Perbincangan berdasarkan tema dan perspektif teori

Aplikasi Tipologi, Model dan Teori Terhadap Dapatan Kajian

Penyelidik telah melakukan analisis data, mengaplikasi dapatan kajian berdasarkan Tipologi Penyertaan Komuniti Pretty (1995), Model Kitaran Hayat Kawasan Pelancongan Butler (1980) dan Teori Modal Sosial oleh Putnam (1993) dan mengaitkan perbincangan dengan tema utama seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Hasil analisis berdasarkan Teori Tipologi Penyertaan Komuniti oleh Pretty, dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti ekopelancongan di Kampung Sayap, Kota Belud telah mengalami transformasi yang ketara. Dari fasa permulaan

penubuhannya hingga kini, sektor ini menunjukkan perkembangan positif. Penyertaan komuniti dalam aktiviti ekopelancongan mencerminkan pelbagai tahap penyertaan yang melibatkan penjana pendapatan ekonomi serta penglibatan dalam program-program luar seperti CSR.

Jadual 3: Tipologi/Model/Teori dan Tema Utama

Proses Penyelidikan	Penerangan
Tipologi Komuniti (Pretty, 1995)	- Tahap penyertaan komuniti - Sokongan keluarga - Tanggungjawab sosial
Model Kitaran Hayat Kawasan Pelancongan (TALC) (Butler, 1980)	- Fasa pembangunan dan pengukuhan - Peranan institusi komuniti - Cabaran penglibatan belia
Teori modal sosial (Putnam, 1993)	- Jaringan sosial dan kerjasama kolektif - Adaptasi terhadap kekurangan fizikal dan digital - Inisiatif ekonomi komuniti melalui koperasi dan CSR

Sumber: Olahan Penyelidik (2025)

Aplikasi Tipologi Penglibatan Komuniti (Pretty, 1995)

Analisis kajian yang menggunakan Tipologi Penyertaan Komuniti oleh Pretty (1995) menunjukkan bahawa tahap keterlibatan komuniti di Kampung Sayap adalah bersifat variasi dan tidak homogen (Lihat Jadual 4). Hanya sebilangan kecil penduduk (sekitar 10–12 orang) yang aktif mengurus homestay serta aktiviti pelancongan, menandakan wujudnya penyertaan fungsional dan interaktif, manakala majoriti masih berada pada tahap pasif kerana lebih menumpukan kepada sektor pertanian atau kekurangan kemahiran dalam pengurusan pelancongan. Walau bagaimanapun, penglibatan keluarga dalam homestay melalui konsep tinggal serumah, makan bersama serta penyertaan pelancong dalam aktiviti seharian seperti berkebun dan memasak menggambarkan tahap penyertaan interaktif yang lebih mendalam (Pretty, 1995). Pada masa yang sama, inisiatif keluarga menjana pendapatan melalui hasil pertanian ketika pandemik COVID-19 mencerminkan penyertaan sendiri (Pretty, 1995). Dari sudut sosial, aktiviti gotong-royong membina laluan hiking dan pertandingan kebersihan antara kelompok kampung menunjukkan bentuk penyertaan fungsional yang memperlihatkan kesedaran kolektif dalam menjaga imej serta kelestarian destinasi ekopelancongan (Pretty, 1995).

Jadual 4: Variasi Penglibatan Ahli Komuniti dan Pernyataan Informan

Tema	Pernyataan Informan
Tahap Penyertaan Komuniti	“Hanya 10–12 penduduk aktif dalam homestay; yang lain kurang terlibat kerana kekurangan kemahiran/minat” (Jusep bin Kamal - Ketua Kampung) “Terdapat 12 kelompok komuniti bantu urus aktiviti, tetapi penyertaan tidak sekata” (Jesmon Yamin - Setiausaha JKK) “Hanya 11 ahli aktif dalam homestay; kebanyakan penduduk fokus kepada pertanian” (Jelilah Idiam - Ketua Kebudayaan)

Sokongan Keluarga	“Homestay beroperasi secara kekeluargaan dan pelancong tinggal serumah, makan bersama, dan terlibat dalam aktiviti seperti berkebun & memasak” (Ezra Sadong - Ketua Koperasi) “Semasa COVID-19, keluarga menjana pendapatan melalui jualan durian dan nanas” (Jusep bin Kamal - Ketua Kampung)
Tanggungjawab Sosial	“Gotong-royong membina laluan hiking baharu (Kautolungan)” (Jesmon Yamin - Setiausaha JKK) “Pertandingan kebersihan antara kelompok kampung untuk mengekalkan imej destinasi pelancongan” (Jelilah Idiam - Ketua Kebudayaan)

Sumber: Olahan Penyelidik (2025)

Aplikasi Model Kitaran Hayat Pelancongan (TALC) (Butler, 1980)

Berdasarkan analisis Teori Kitaran Hayat Pelancongan (Tourism Area Life Cycle, TALC) oleh Butler (1980), perkembangan ekopelancongan di Kampung Sayap dapat dikategorikan dalam fasa pembangunan dan pengukuhan (Lihat Jadual 5). Hal ini ditunjukkan melalui projek pelancongan yang bermula sekitar tahun 2010 dengan inisiatif “kampung stay” sebelum disatukan secara rasmi di bawah persatuan homestay pada tahun 2016, seterusnya diperkukuh melalui kerjasama antara PIBG, guru sekolah, universiti (UMS), dan NGO seperti Sticky Rice. Peranan institusi komuniti turut menjadi faktor penting dalam menyokong kesinambungan pelancongan, di mana Sekolah Adat (Tinggung) berfungsi memelihara budaya tradisional seperti tarian Siri-Siri dan kraftangan sebagai tarikan pelancong. Manakala Persatuan Homestay serta JKKK memainkan peranan dalam pengurusan pelancong dan penyediaan latihan keselamatan dengan agensi kerajaan. Walau bagaimanapun, cabaran ketara adalah penglibatan belia yang semakin berkurangan kerana kecenderungan mereka berhijrah ke bandar, hanya kembali sebagai pemandu pelancong ketika cuti. Tambahan pula, selepas pandemik COVID-19, hampir 70% pemandu pelancong berhijrah ke Semenanjung akibat ketidakpastian pendapatan, sekaligus menjejaskan kesinambungan tenaga kerja tempatan dalam sektor pelancongan (Butler, 1980).

Jadual 5: Fasa Pembangunan Ekopelancongan dan Pernyataan Informan

Tema	Pernyataan Informan
Fasa pembangunan dan pengukuhan	“Projek bermula 2016 melalui PIBG & guru SK Sayap, kemudian diperkuat dengan kerjasama universiti (UMS) dan NGO (Sticky Rice)” (Ezra Sadong - Ketua Koperasi) “Kampung stay” muncul sejak 2010 sebelum disatukan di bawah persatuan homestay pada 2016” (Jesmon Yamin - Setiausaha JKK)
Peranan Institusi Komuniti	“Sekolah Adat (Tinggung) pelihara budaya seperti tarian Siri-Siri dan kraftangan, serta menjadi tarikan pelancong” (Jelilah Idiam- Ketua Kebudayaan) “Persatuan Homestay diketuai Tingkun urus pelancong; JKKK bantu latihan keselamatan dengan agensi kerajaan” (Jusep bin Kamal)

Cabaran Penglibatan Belia	“Belia cenderung berhijrah ke bandar; hanya kembali sebagai pemandu pelancong semasa cuti” (Ezra Sadong - Ketua Koperasi) “70% pemandu pelancong pergi ke Semenanjung” selepas COVID disebabkan ketidaktentuan pendapatan” (Jesmon Yamin - Setiausaha JKK)
---------------------------	--

Sumber: Olahan Penyelidik (2025)

Aplikasi Teori Modal Sosial

Berdasarkan aplikasi teori modal sosial, pembangunan ekopelancongan di Kampung Sayap jelas dipacu oleh jaringan sosial, kepercayaan bersama, dan norma kolektif yang menggalakkan kerjasama antara ahli komuniti (Lihat Jadual 6). Dari segi jaringan sosial dan kerjasama kolektif, komuniti bekerjasama dengan agensi luar seperti Sticky Rice Travel dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam aspek latihan bahasa serta promosi pelancongan, manakala homestay turut bernaung di bawah Persatuan Tanak Nabalu bagi tujuan insurans dan promosi secara berkumpulan. Adaptasi terhadap kekangan fizikal dan digital juga memperlihatkan keupayaan komuniti menggunakan modal sosial apabila penduduk aktif mempromosikan kampung melalui Facebook walaupun berdepan isu jalan rosak yang menyukarkan akses pelancong, selain menerima bantuan pelajar UMS dalam penghasilan poster digital dan pengurusan media sosial semasa pandemik. Dari aspek ekonomi pula, koperasi belia memainkan peranan penting dengan mengurus homestay, mengendalikan jualan produk tempatan, dan menganjurkan program komuniti, manakala pelancong antarabangsa dari UK dan Jerman turut menyumbang melalui aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) seperti membaiki sekolah dan jambatan. Keseluruhannya, elemen modal sosial ini membuktikan bahawa pembangunan ekopelancongan di Kampung Sayap bukan sahaja bergantung pada institusi formal tetapi juga sokongan sosial tidak formal yang memperkukuh ketahanan dan daya saing komuniti.

Jadual 6: Fasa Pembangunan Ekopelancongan dan Pernyataan Informan

Tema	Pernyataan Informan
Jaringan sosial dan kerjasama kolektif	“Bekerjasama dengan Sticky Rice Travel dan UMS dalam latihan bahasa & promosi pelancongan” (Ezra Sadong) “Homestay berada di bawah Persatuan Tanak Nabalu untuk insurans & promosi berkumpulan” (Jelilah Idiam)
Adaptasi terhadap kekurangan fizikal dan digital	“Jalan rosak menyukarkan akses pelancong; komuniti aktif promosikan kampung melalui Facebook” (Jusep bin Kamal) “Pelajar UMS bantu penduduk hasilkan poster digital & urus laman Facebook semasa pandemik” (Jesmon Yamin)

Inisiatif ekonomi
komuniti melalui
koperasi dan CSR

“Koperasi Belia urus homestay, jualan produk tempatan dan
penganjuran program komuniti”

(Ezra Sadong)

“Pelancong dari UK dan Jerman terlibat dalam CSR seperti
membaiki sekolah & jambatan”

(Jelilah Idiam)

Sumber: Olahan Penyelidik (2025)

Perbincangan dan Penilaian Dapatan Kajian

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, penglibatan ahli komuniti dalam pembangunan ekopelancongan di Kampung Sayap masih belum inklusif sepenuhnya. Sebaliknya penglibatan ahli komuniti lebih tertumpu kepada kelompok kecil yang mempunyai jaringan sosial dan kemahiran tertentu sahaja. Situasi ini menunjukkan bahawa tahap penyertaan komuniti masih berada pada tahap fungsional, dan belum mencapai tahap interaktif atau sendiri sebagaimana digariskan oleh Pretty (1995). Fenomena ini sejajar dengan pandangan Tosun (2000) yang menekankan bahawa komuniti di negara sedang membangun sering berdepan dengan kekangan kuasa dan dominasi aktor luar sehingga menghadkan penyertaan sebenar. Oleh itu, strategi pemerkasaan komuniti perlu memberi fokus kepada penglibatan belia, wanita, dan kumpulan marginal agar pelancongan benar-benar bersifat partisipatif dan lestari.

Selain itu, isu infrastruktur asas seperti jalan raya yang gravel dan rosak serta capaian internet yang lemah memperlihatkan bagaimana keterbatasan kemudahan infrastruktur dan komunikasi digital masih menjadi faktor penghalang utama kepada pembangunan ekopelancongan dan penglibatan komuniti yang lestari. Walaupun ahli komuniti berjaya memanfaatkan media sosial melalui kerjasama dengan pelajar universiti untuk tujuan promosi, kelemahan komunikasi internet ini membataskan potensi destinasi untuk menembusi pasaran pelancongan yang lebih luas. Hal ini menegaskan kepentingan pembangunan modal sosial digital, iaitu keupayaan komuniti bukan sekadar menggunakan teknologi secara pasif tetapi berperanan aktif menghasilkan kandungan ekopelancongan yang autentik. Penemuan ini selari dengan dapatan Omar et al. (2023) dan Wang & Zhang (2024) yang menekankan pentingnya literasi digital dalam memperkukuh daya saing pelancongan luar bandar pasca-pandemik covid 19.

Dari segi penubuhan dan perkembangan institusi sosioekonomi, kewujudan koperasi belia dan organisasi sosial tempatan telah membantu menyelaras aktiviti homestay, CSR, serta penjualan produk pertanian dan kraftangan komuniti. Walau bagaimanapun, tanpa sokongan berstruktur daripada agensi kerajaan dan rangkaian pelancongan yang lebih luas, terdapat risiko berlakunya “community burnout” apabila beban tanggungjawab hanya dipikul oleh kelompok kecil komuniti. Isu ini selaras dengan cadangan Scheyvens (1999) yang mengatakan bahawa pelancongan komuniti hanya mampan apabila wujud mekanisme tadbir urus yang adil, sistematik dan menyeluruh. Oleh itu, kerjasama rentas institusi perlu diinstitusikan segera dan bukan hanya bergantung kepada inisiatif jangka pendek atau projek berbentuk CSR semata-mata.

Akhir sekali, hasil kajian ini turut memperlihatkan kaitan rapat dengan Model Kitaran Hayat Kawasan Pelancongan oleh Butler, 1980, di mana Kampung Sayap sedang berada pada fasa pengukuhan pembangunan ekopelancongan. Walau bagaimanapun, migrasi belia ke bandar dan

ketidaktentuan pendapatan pasca-COVID berpotensi mempercepat risiko kemerosotan jika tidak ditangani secara holistik oleh ahli komuniti dan pihak berkepentingan. Sehubungan itu, kajian longitudinal amat diperlukan untuk menilai perubahan sikap, motivasi, serta bentuk penglibatan ahli komuniti dari semasa ke semasa, sekaligus membantu mengenal pasti titik perubahan kritikal dalam konteks pembangunan pelancongan desa atau luar bandar. Dengan pendekatan ini, ekopelancongan bukan sahaja mampu berkembang sebagai alternatif ekonomi, tetapi juga sebagai instrumen pemberdayaan sosial yang menyeluruh, berdaya tahan dan mampan.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa tahap penglibatan ahli komuniti di Kampung Sayap dalam ekopelancongan masih belum menyeluruh dan lebih banyak didominasi oleh kelompok kecil yang memiliki jaringan sosial serta kemahiran tertentu, sejajar dengan tahap fungsional seperti dinyatakan dalam tipologi Pretty (1995). Berdasarkan model Butler (1980), kampung ini berada pada fasa pengukuhan pembangunan ekopelancongan, yang dicirikan oleh peningkatan sokongan institusi dan kerjasama pihak luar. Walau bagaimanapun, cabaran seperti penglibatan belia yang rendah dan kestabilan struktur komuniti pengurusan di tahap kampung masih perlu ditangani dengan baik dan sistematik. Pemahaman melalui teori modal sosial (Putnam, 1993) menunjukkan bahawa ikatan sosial dalaman dan jalinan hubungan luaran telah menyumbang kepada kelangsungan ekopelancongan melalui inovasi sosial dan penerapan teknologi digital. Namun, usaha pemeraksanaan komuniti masih beroperasi secara terasing dan tidak tersusun. Justeru penglibatan ahli komuniti masih memerlukan mekanisme penyelarasan yang lebih terancang serta berfokus bagi memastikan pembangunan ekopelancongan dapat berkembang secara mampan di kampung Sayap, Kota Belud, Sabah dan di kawasan ekopelancongan lain di Malaysia.

Penghargaan

Penyelidik ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada barisan kepimpinan kampung dan ahli komuniti Kampung Sayap, Kota Belud, Sabah kerana telah sudi membenarkan dan membantu kajian *self-funding* ini dilakukan hingga disiapkan dengan jayanya.

Senarai Rujukan

- Bourdieu, P. (1986). The forms of capital. *Cultural theory: An anthology*, 1 (81-93), 949.
- Butler, R.W. (1980). The Concept of a Tourist Area Cycle of Evolution: Implication for Management of Resources. *Canadian Geographer*, 24: 5-12.
- Chane, M., & Yirga, S. (2014). Distribution and diversity of small mammals in Borena-Sayint National Park, South Wollo, Ethiopia: Implications of habitat specialization. *Int. J. Biodivers. Conserv*, 6(5), 415-421.
- Minnaert, L. (2012). Social Tourism as Opportunity for Unplanned Learning and Behavior Change. *Journal of Travel Research*, 51(5), 607-616. <https://doi.org/10.1177/0047287511431324>.
- Coleman, J. S. (1988). Social Capital in the creation of human capital. *American Journal of Sociology*, 94, S95-S120
- Er Ah Choy, & Nurul Bariah Mat Lazim. (2013). Tahap Kefahaman Ekopelancongan dalam Kalangan Komuniti Lokal di Lata Jarum, Raub, Pahang. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ferrão, J., Fernandes, J. P., & Marques, C. (2021). Assessing community participation in nature conservation activities in a Portuguese urban park: Insights from a typology approach. *Land Use Policy*, 109, 105669.
- Hafezi, F., Bijani, M., Gholamrezai, S., Savari, M., & Panzer-Krause, S. (2024). Understanding the network dynamics of sustainable community-based ecotourism in Lorestan, Iran. *Iran Agricultural Research*, 43(1).
- Hafezi, F., Bijani, M., Gholamrezai, S., Savari, M., & Panzer-Krause, S. (2023). Towards sustainable community-based ecotourism: A qualitative content analysis. *Science of the Total Environment*, 891, 164411.
- Mohamed Isa, M. R., Kasim, J., Shamsudin, M. N., & Mohammad, M. (2018). Tahap penyertaan komuniti dalam program penjagaan alam sekitar: Kajian kes di Kawasan Konservasi Kepulauan Tunku Abdul Rahman, Sabah. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 14(2), 87-97.
- Mohd Jirey Kumalah., Syafiqah Syuhada Samsul., Rahmah Rashid., & Mastura Junairin. (2023). Implikasi dan Penglibatan Komuniti Dalam Sektor Pelancongan di Pulau. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*., Vol 9, ISSN 2462-2095
- Moswete N., & Thapa B. (2015). Factors that influence support for community-based ecotourism in the rural communities adjacent to the Kgalagadi Transfrontier Park, Botswana. *Journal of Ecotourism*. 14, no. 2-3, 243–263, <https://doi.org/10.1080/14724049.2015.1051537>
- Pretty, J., & Ward, H. (2010). Social capital and the environment. *World Development*, 38(5), 894-906.
- Putnam, R. D. (1993). *Making democracy work: Civic Traditions In Modern Italy*. Princeton: Princeton University Press
- Rogers, E. M. (2003). *Diffusion of innovations*. New York: Free Press.
- Scheyvens R (1999) Case study: Ecotourism and the empowerment of local communities. *Tourism Manage* 20, 245-249. DOI: 10.1016/S0261- 5177(98)00069-7.
- Steg, L. (2016). Values, norms, and intrinsic motivation to act pro-environmentally. *Annual Review of Environment and Resources*, 41, 341-365.
- Tosun, C. (2000). Limit to Community Participation in the Tourism Development Process in Developing Countries. *Tourism Management*. 21: 613-633